

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI  
DATO' OTHMAN SAID  
[ Pengerang ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang untuk menghalang parti-parti politik dan ahli-ahli Parlimen serta ADUN daripada meletakkan jawatan sewenang-wenangnya menurut agenda tersendiri dan bukan untuk kepentingan rakyat jelata kerana pilihan raya kecil yang diakibatkan oleh tindakan tersebut memakan belanja yang tinggi dan membazirkan wang pembayar cukai.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR melaksanakan fungsi-fungsinya berlandaskan kepada kerangka undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan membuat pindaan undang-undang bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan sewenang-wenangnya menurut agenda tersendiri dan bukan untuk kepentingan rakyat jelata, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan hilang kelayakan untuk

bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Peletakan jawatan yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat berdasarkan kepada Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan sebagai Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Kerajaan menyedari terdapat mereka yang sengaja mengambil kesempatan menggunakan peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam usaha mereka untuk mencapai cita-cita yang tertentu walaupun usaha tersebut melibatkan perbelanjaan kewangan yang agak besar. Namun begitu, Kerajaan merasakan undang-undang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan bagi menghalang Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri daripada meletakkan jawatan sewenang-wenangnya. Selain itu, semua pandangan oleh pelbagai pihak berhubung peletakan jawatan secara sengaja atau dengan niat tertentu akan dikaji oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.